

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK HAJI DATU NASRUN
BIN DATU MANSUR
KAWASAN : SILAM
TARIKH : 18.6.2014 (RABU)
NO. SOALAN : 19

YB DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU MANSUR minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pandangan Kerajaan terhadap masa depan industri tempatan terutama dalam bidang keberhasilan negara, sekiranya Malaysia menyertai perjanjian Trans-Pacific Partnership Agreement. Apakah manfaat dan keuntungan negara daripada perjanjian ini.

Jawapan

Tuan Yang DiPertua,

Dalam apa-apa rundingan di antara dua pihak atau lebih dari dua pihak, akan terdapat cabaran dan peluang, rundingan bukannya *a zero sum game*, dengan izin. Begitu juga dengan rundingan perjanjian perdagangan bebas termasuk TPPA. TPPA mungkin mendatangkan cabaran kepada industri tempatan akan tetapi kita perlu melihat dari sudut positif mengenai kebaikan kepada industri tempatan. Ini termasuk peluang yang boleh diraih oleh industri tempatan dalam rangkaian bekalan di mana industri tempatan berpeluang untuk membekalkan bahan asas atau input kepada industri multinasional atau industri tempatan yang lain yang mengeluarkan produk-produk siap. Dalam pada itu industri tempatan ini juga boleh mendapat akses pasaran yang lebih baik untuk mengembangkan eksport dan menembusi pasaran negara yang masih tidak mempunyai FTA dengan Malaysia iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico dengan pemudah cara perniagaan.

Kerajaan juga telah mengambil keputusan yang tegas dalam menangani kebimbangan industri tempatan dalam semua bidang rundingan yang dijalankan. Antara kebimbangan tersebut mengenai persaingan telah diambil kira dan ditangani melalui tempoh peralihan yang lebih panjang semasa proses liberalisasi. Beberapa langkah lain seperti carve-out sedang dirundingkan. Selain itu, dari segi persaingan dalam Perolehan Kerajaan, ia juga ditangani dalam bentuk mengasingkan perolehan kerajaan dengan menetapkan threshold yang lebih tinggi. Kerajaan

sedar akan kebimbangan mengenai kedudukan industri tempatan yang bakal menghadapi persaingan yang sengit daripada syarikat antarabangsa. Kesemua kebimbangan ini masih dirundingkan oleh perunding Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

TPPA juga boleh membuka peluang pelaburan melalui liberalisasi, fasilitasi, dan perlindungan pelabur di antara negara-negara yang menyertai perjanjian ini. Terma di dalam bab ini bukan hanya untuk melindungi pelabur luar yang melabur di Malaysia tetapi turut memberi jaminan dan perlindungan kepada pelabur Malaysia yang melabur di luar negara.

Selain itu, faedah menyertai perjanjian TPPA ini boleh dilihat dari aspek kerjasama antara Malaysia dan negara ahli. FTA dapat membantu bina upaya melalui kerjasama ekonomi dan teknikal. Sekiranya Malaysia tidak menyertai TPP, kredibiliti Malaysia sebagai negara perdagangan yang terbuka dan maju akan terjejas. Dari segi akses pasaran barangan, produk-produk Malaysia akan kehilangan daya saing berbanding produk-produk dari negara TPP memandangkan produk-produk tersebut tidak dapat menikmati layanan keutamaan tarif. Dalam pada itu, bagi eksport ke Kanada mungkin akan terjejas memandangkan Kanada akan menamatkan skim GSP bagi produk-produk Malaysia bermula pada 1 Januari 2015. Dengan menyertai TPPA dan apabila ianya dilaksanakan kelak, akses pasaran bagi produk-produk Malaysia ke Kanada akan terus dapat menikmati layanan keutamaan iaitu tanpa duti import atau

duti import yang lebih rendah sebagaimana yang sedang dirundingkan di dalam TPPA.

Pasaran TPP di jangka bertambah besar dengan penyertaan beberapa negara anggota APEC lain yang telah menunjukkan minat untuk menyertai TPP seperti Chinese Taipei, Filipina dan Korea Selatan. Pengecualian Malaysia daripada TPP akan menyebabkan Malaysia ketinggalan dalam rantaian bekalan serantau (*regional supply chain*) pada masa akan datang. TPP juga dilihat sebagai satu platform untuk merangka peraturan perdagangan dan pelaburan alaf baru dan Malaysia tidak akan mendapat kelebihan sebagai '*first-mover*' untuk merangka peraturan-peraturan perdagangan dan pelaburan di dalam perjanjian tersebut sekiranya tidak menyertai TPP.

Ingin saya tegaskan bahawa objektif Kerajaan dalam rundingan TPPA adalah amat jelas iaitu kepentingan negara mesti dipertahankan, kita tidak terdesak untuk menyertai rundingan ini dan Malaysia hanya berunding dengan terma-terma yang boleh di terima pakai negara.

Oleh yang demikian, adalah penting untuk Malaysia menyertai rundingan supaya kita dapat menetapkan perkara-perkara yang kita ingin ketengahkan dan kita dapat menyuarakan perkara-perkara yang menjadi kebimbangan kita dan ingin kita lindungi.